



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATUK SERI DR. NORAINI BIN AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT

PROGRAM

PROGRAM PELANCARAN DIREKTORI
ORGANISASI BERASASKAN KOMUNITI (CBO) KPWK
@BARAT DAYA , PULAU PINANG

PADA

8 OGOS 2024 (KHAMIS), JAM 2.00 PETANG

BERTEMPAT

DEWAN BUKIT BELAH,
TELUK KUMBAR, PULAU PINANG

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinanNYA, kita semua dapat berkumpul di majlis yang sangat bermakna pada petang ini.
2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ketua- ketua Agensi dan Ketua Komuniti yang sudi hadir memeriahkan **Program Pelancaran Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM @Barat Daya ,Pulau Pinang**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui JKM dalam usaha untuk mempergiat penyampaian perkhidmatan melalui pendampingan komuniti yang melibatkan intergenerasi dalam usaha mengangkat dan memartabatkan kumpulan sasaran Jabatan selaras dengan konsep 'Kebajikan Tanggungjawab Bersama'.
4. Oleh yang demikian, program yang dilaksanakan pada hari ini merupakan salah satu usaha Kementerian untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran ahli-ahli komuniti di Negeri Pulau Pinang khasnya daerah Barat Daya sebagai rakan strategik dalam membantu menyantuni kumpulan sasaran Kementerian.
5. Kewujudan Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti atau

Community Based Organization (CBO) KPWKM ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam menyediakan panduan dan rujukan yang boleh memberi bantuan dan sokongan sosial kepada masyarakat yang memerlukan bantuan dan sokongan khususnya kepada kumpulan sasar Jabatan yang melibatkan orang kurang upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak dan komuniti setempat.

6. Dalam konteks KPWKM khususnya JKM, ahli CBO terdiri daripada Jawatankuasa PAWE, Jawatankuasa PPDK, Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) serta Sukarelawan Kebajikan yang dianggotai oleh ahli komuniti dan organisasi berasaskan komuniti ini menjadi rakan strategik JKM dalam menyantuni dan melindungi kumpulan sasar di bawah KPWKM. Pada hari ini, ahli CBO didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam menyantuni kumpulan sasar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Tanggungjawab bagi membendung isu penderaan atau pengabaian kanak-kanak bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab KPWKM semata-mata. Dalam Akta Kanak-Kanak 2001 telah menggariskan peranan dan kewajipan Pegawai Perubatan, Anggota Keluarga, Pengusaha / Pengasuh dan Anggota Masyarakat untuk melaporkan kes penderaan dan pengabaian.
8. Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) ditubuhkan oleh

Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak (MKBKK) di negeri dan daerah yang berfungsi sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan perlindungan kanak-kanak. Sehingga Disember 2023, terdapat sebanyak 140 PPKK telah ditubuhkan di seluruh negara, **dan sebanyak 5 PPKK adalah terletak di negeri Pulau Pinang dan 1 PPKK terletak di daerah Barat Daya.**

9. Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) pula merupakan salah satu aktiviti kendalian PPKK yang mana pewujudannya dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan masyarakat setempat. Usaha ini dilakukan untuk membantu mencegah kes-kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak, ponteng sekolah, kerosakan akhlak dan lain-lain masalah sosial. Sehingga Disember 2023, terdapat sebanyak 142 PAKK telah ditubuhkan di seluruh negara, **dan sebanyak 9 PAKK adalah terletak di negeri Pulau Pinang dan 1 PAKK terletak di daerah Barat Daya.**

10. Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) pula ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak (MKBKK) di negeri dan daerah yang berfungsi untuk menyelaraskan perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan dan pemulihan atau didapati bersalah atas apa-apa kesalahan. **Sehingga Disember 2023, sebanyak 133 PKKK telah ditubuhkan di seluruh negara dan sebanyak 5 PKKK adalah terletak di negeri Pulau Pinang dan 1 PKKK terletak di daerah Barat Daya.**

11. Selain daripada kes kanak-kanak, kes keganasan rumah tangga juga merupakan salah satu isu dan masalah yang memerlukan perhatian daripada semua CBO.
12. Berikut merupakan beberapa saluran yang boleh dilaporkan sekiranya ahli komuniti mengetahui terdapat kes penderaan atau pengabaian mahupun kes keganasan rumah tangga:
 - i. Pejabat Kebajikan Masyarakat;
 - ii. Balai Polis;
 - iii. Hospital yang berhampiran;
 - iv. Hubungi Talian Kasih 15999 atau WhatsApp 019-2615999; atau
 - v. Melalui Twitter, Facebook, Instagram JKM.
13. Berdasarkan statistik JKM sehingga Disember 2023, jumlah penerima bantuan di Malaysia adalah seramai 543,811 penerima dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM2.53 billion. **Daripada jumlah tersebut, penerima bantuan di Pulau Pinang adalah seramai 20,050 penerima dengan peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak RM 104,733,900.00 manakala bagi daerah Barat Daya adalah seramai 2511 penerima dengan peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak RM 13,526,900.00.**
14. Permohonan bantuan JKM boleh dibuat melalui dua (2) cara iaitu hadir sendiri ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah

dan melalui platform permohonan bantuan secara atas talian.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Terdapat 30 keistimewaan yang diberikan kerajaan kepada OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di antaranya adalah:
 - i. Kemudahan bantuan kewangan/ alat tiruan kepada OKU yang layak serta perkhidmatan institusi;
 - ii. Bantuan kewangan pelajar OKU dan bantuan kewangan prog. pendidikan khas di politeknik/ kolej komuniti; dan
 - iii. Kemudahan dan galakan pelepasan cukai pendapatan.
16. Sehingga Disember 2023, terdapat 564 buah PPDK iaitu Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) sebelum ini dikenali sebagai PDK atau *Community-Based Rehabilitation* (CBR), yang memberi manfaat kepada 18,918 OKU dan 5,144 penyelaras dan petugas. Di Pulau Pinang, terdapat 24 buah PPDK yang memberi manfaat kepada 1122 OKU. Manakala di Daerah Barat Daya, terdapat 5 buah PPDK yang memberi manfaat kepada 236 OKU.
17. Malaysia dijangka menjadi negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk negara ini merangkumi warganegara yang berusia lebih 60 tahun dalam pola 15.3 peratus daripada jumlah penduduk negara.
18. Program Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) digerakkan dengan **penglibatan komuniti setempat dan kerjasama**

pelbagai agensi kerajaan dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan. Program sebegini dapat memberi ruang dan peluang kepada warga emas yang masih aktif dan produktif untuk terus berada dalam komuniti disamping terus menyumbang pengalaman dan pengetahuan. Untuk makluman semua, sehingga kini terdapat sebanyak 161 buah PAWE di Malaysia dengan jumlah warga emas berdaftar seramai 52 ribu orang yang terdiri daripada pelbagai kaum. Negeri Pulau Pinang mempunyai 6 buah PAWE sedia ada dan pada tahun 2024 terdapat pertambahan 3 buah PAWE baharu yang menjadikan keseluruhannya sebanyak 9 buah PAWE terdapat di negeri ini dengan 795 orang warga emas berdaftar manakala terdapat 2 buah PAWE di daerah Barat Daya dengan seramai 253 orang warga emas berdaftar.

(B) PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Isu penjagaan keselamatan golongan rentan dalam komuniti khususnya kanak-kanak, golongan kurang upaya, warga emas serta mangsa keganasan rumahtangga tidak boleh dipandang remeh dan tugas melindungi serta menjaga keselamatan dan kebajikan mereka adalah tanggungjawab semua pihak di semua peringkat khususnya komuniti setempat.
20. Pengerusi dan ahli CBO merupakan orang yang paling dekat dengan komuniti untuk memohon pertolongan apabila

berlaku sesuatu insiden. Oleh yang demikian, peranan komuniti seperti Ketua Kampung, Persatuan/ Pertubuhan Komuniti, guru, jiran, sukarelawan lain-lain sangat penting untuk menjadi **mata dan telinga** kepada pihak berkuasa khususnya Kementerian ini dalam menangani penderaan, pengabaian dan keganasan yang dihadapi oleh komuniti setempat.

21. Pada hari ini akan dilancarkan **Direktori CBO KPWKM@Barat Daya,Pulau Pinang** yang akan digunakan oleh Ketua CBO sebagai dokumen rujukan semasa menyantuni kumpulan sasaran dalam komuniti yang memerlukan bantuan. Diharapkan dengan adanya Direktori CBO ini dapat mempercepatkan lagi tindakan yang diambil oleh CBO bagi membantu komuniti yang memerlukan.
22. Selain daripada perkhidmatan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah memperkenalkan Pusat Transit Remaja kafe@TEEN merupakan *one-stop-center* bertujuan membantu remaja berumur 13 hingga 24 tahun melalui alam remaja dengan selesa dan yakin.
23. Selain itu, LPPKN turut melaksanakan Program Kempen Kesedaran Kanser Reproduksi Wanita (WCARE) dalam meningkatkan kesedaran semua pihak terutamanya wanita terhadap kepentingan melakukan saringan awal mengesan kanser serviks dan kanser payudara.
24. Semua wanita adalah digesa untuk mendapatkan

perkhidmatan Ujian Mamogram dan Ujian HPV DNA di 49 buah Klinik Nur Sejahtera (KNS) LPPKN seluruh negara.

25. Yayasan Kebajikan Negara (YKN) salah satu agensi di bawah KPWKM turut memperkenalkan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) yang merupakan pusat rujukan sosial yang menawarkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, sokongan emosi khususnya kepada kumpulan sasar KPWKM seperti wanita, kanak-kanak, keluarga, warga emas dan OKU untuk mendapatkan perkhidmatan sosial.
26. Bagi golongan wanita yang memerlukan sokongan sosial dalam pelbagai bentuk, Jabatan Pembangunan Wanita sedia dihubungi dan membantu.

(C) PENUTUP

27. KPWKM dan agensi di bawah Kementerian ini, khususnya JKM merupakan agensi barisan hadapan kerajaan yang memainkan peranan penting dalam membantu membangunkan masyarakat ke arah kesejahteraan, berdikari dan berbudaya penyayang sekaligus memastikan tiada golongan yang terpinggir daripada menikmati faedah kemakmuran negara.
28. Sebagai agensi yang sangat dekat dengan masyarakat, Kementerian ini sentiasa peka dan mengatur strategi bagi menangani cabaran era globalisasi yang kian mencabar. Sejar dengan usaha tersebut, Kementerian menyedari akan

kepentingan menggerakkan peranan masyarakat dalam usaha membantu mereka yang memerlukan bantuan dan sokongan sosial, agar mereka dapat menjalani kehidupan dengan lebih selesa, dihormati dan tidak disisihkan selaras dengan konsep masyarakat penyayang.

29. Oleh yang demikian, besar harapan saya agar program pada hari ini dapat memberi informasi berguna kepada semua yang hadir. Puan-puan dan tuan-tuan juga dimohon untuk menyebarkan luaskan segala informasi berguna kepada pihak yang tidak berpeluang mengikuti program kali ini. Adalah diharapkan lebih ramai orang khususnya komuniti setempat dapat mengetahui inisiatif, program dan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi di bawah Kementerian ini supaya mereka yang memerlukan bantuan dan sokongan sosial mendapat manfaat yang sewajarnya.
30. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh warga kerja JKM di peringkat ibu pejabat, negeri, daerah dan institusi serta agensi di bawah KPWKM yang telah bersama-sama menjayakan Program Pemerksaan Organisasi Berasaskan Komuniti ini.
31. Akhir kata, dengan **Lafaz Bismillahirrahmanirrahim**, saya merasmikan **Program Pelancaran Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM @ Barat Daya, Negeri Pulau Pinang.**

Sekian, terima kasih

YB Datuk Seri Dr.Noraini binti Ahmad
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan
Masyarakat

8 OGOS 2024